

**NO SOALAN :73****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 02.08.2017**

**Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah penyelesaian terhadap sebilangan rakyat yang biasa menerima BR1M sebelum ini tetapi telah dinafikan haknya pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BR1M diberikan kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Pemohon akan layak BR1M 2017 sekiranya memenuhi syarat-syarat pendapatan yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan seperti berikut:

- 1) Isi rumah berpendapatan RM3000 ke bawah (RM1200)
- 2) Isi rumah berpendapatan RM3001 - RM4000 (RM900)
- 3) Individu bujang berpendapatan RM2000 ke bawah (RM450).

Kementerian Kewangan melalui agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan membuat semakan semula permohonan BR1M termasuk penerima sedia ada pada setiap tahun untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M. Disamping itu, Kerajaan juga melaksanakan proses verifikasi secara menyeluruh dengan membuat semakan data-data bersama pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kementerian Luar Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Bagi yang gagal dalam permohonan BR1M pada peringkat awal juga, Kementerian Kewangan masih memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk membuat rayuan di mana mereka perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil nikah, sijil kematian, penyata pendapatan dan lain-lain bagi membuktikan mereka benar-benar di bawah kategori yang layak menerima BR1M.